

20 JUN 2000

G15-Senjata

MALAYSIA SARAN PENDAFTARAN PENJUALAN SENJATA KECIL

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia mencadangkan supaya diadakan pendaftaran mengenai penjualan senjata-senjata kecil bagi mengelakkan konflik antarabangsa, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengemukakan perkara itu kepada para pemimpin Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) semasa perentian mereka di sini semalam.

Senjata-senjata itu diperbuat kebanyakannya oleh negara-negara maju dan dijual kepada negara-negara mundur dan membangun sehingga menyebabkan berlaku perlumbaan persenjataan, katanya kepada para wartawan Malaysia yang membuat liputan persidangan kemuncak G15 itu di sini.

"Bila ada penjualan sama ada senjata kecil atau besar kepada sesebuah negara sudah tentu negara yang berdekatan mengambil langkah meningkatkan sistem pertahanannya," kata beliau.

Syed Hamid berkata perlumbaan senjata itu sebenarnya bukan berlaku di negara-negara membangun tetapi disebabkan oleh negara-negara yang mengeluarkan senjata-senjata berkenaan.

Beliau berkata Dr Mahathir mengemukakan cadangan mengenai pendaftaran senjata itu memandangkan para pemimpin berkenaan membincangkan masalah penganasan semasa perentian itu.

Menurutnya, Dr Mahathir telah menekankan perlunya negara-negara G15 meningkatkan kerjasama untuk menangani kesan-kesan negatif globalisasi.

Katanya, Perdana Menteri telah menyentuh soal bagaimana kedaulatan dan perniagaan negara-negara membangun boleh diambil-alih kerana kemajuan teknologi melalui e-dagang.

Dr Mahathir juga telah mencadangkan kepada para pemimpin G15 agar melihat bagaimana hendak menggerakkan suruhanjaya koordinasi Selatan sepertimana diputuskan pada persidangan kemuncak Kumpulan 77 Negara Membangun (G77) di Cuba.

Syed Hamid berkata para menteri luar G15 akan bermesyuarat di Mexico pada Oktober ini untuk membincangkan usaha meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota.

Antara usaha yang dapat dilakukan ialah dengan menyediakan biasiswa untuk menggalakkan pertukaran penuntut.

Katanya Malaysia telah membuktikan kejayaan sistem pendidikan negara dapat menghapuskan kemiskinan mutlak di kalangan rakyat.

Persidangan kemuncak dua hari itu berakhir hari ini dengan penyertaan dua anggota baru iaitu Iran dan Colombia menjadikan keanggotaan kumpulan itu kini berjumlah 19 negara.

Persidangan kemuncak G15 tahun depan akan diadakan di Indonesia.

-- BERNAMA

AZZ AKD